Imam Ibnu Surej ﷺ (wafat 306H)

Nama lengkap beliau adalah Ahmad bin ‘Umar bin Surej Abul ‘Abbas Al-Qadi رضي الله عنه.

Guru-guru beliau dalam ilmu fiqih adalah Abu Qasim Al-Anmary, Hasan bin Muhammad Az-Za’farani, Abu Sijistani رضي الله عنه dan lain-lain. Mulanya beliau menjadi Qadi di Syirazi, kemudian pindah ke Baghdad dan akhirnya masyhur dengan nama Ibnu Surej Al-Baghdadi. Berkata Imam Ad-Dija’ رضي الله عنه bahawa Ibnu Surej رضي الله عنه adalah sahabat Imam Syafi’i رضي الله عنه yang paling pintar dalam ilmu kalam dan ilmu fiqih (maksud perkataan sahabat di sini ialah pengikut faham). Ibnu Surej رضي الله عنه ini mengarang kitab-kitab sebanyak 400 buah dalam bermacam-macam ilmu pengetahuan.

Kalau tersebut Ibnu Surej dalam kitab Muhazzab maka beliau inilah yang dimaksudkan.

Sumber : SEJARAH DAN KEAGUNGAN MAZHAB SYAFI’I, Oleh: K.H Sirajuddin Abbas